



**TEKS UCAPAN  
YBRS. TUAN ADI FAIZAL BIN AHMAD TARMIZI A.M.S., P.P.T.  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 6/2023**

**27 JUN 2023 | RABU**

**10.00 PAGI | BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbt & selamat pagi diucapkan.

**Yang Amat Dihormatkan Dato' Paduka Raja Tan Sri Dato' (Dr) Hj Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh**

Dato' Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

**Yang Dihormati Ketua-ketua WHIP,**

Majis Perbandaran Selayang

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,**

Majis Perbandaran Selayang

Para pengarah jabatan, pihak media, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayah-Nya untuk kita mengadakan Mesyuarat Majlis

MPS                    Bil.6/2023                    bagi                    bulan                    Jun

pada pagi yang berbahagia ini.

## **1. TAHNIAH PENGARAH BAHARU**

- 1.1 Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Puan Suhaila binti Abdul Hamid yang telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Perundangan dan Tuan Haji Mohd Syukri bin Abdullah Zawawi yang telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Bangunan berkuatkuasa pada 1 Jun 2023.
- 1.2 Ini adalah pencapaian yang menunjukkan sifat dedikasi, kepimpinan dan kecekapan anda dalam bidang ini dan kepada Jabatan anda. Sebagai Pengarah Jabatan, anda memainkan peranan penting dalam pengurusan untuk memimpin, mengarah dan memastikan bahawa jabatan ini beroperasi dengan cekap, memberikan perkhidmatan berkualiti dan mencapai matlamat yang ditetapkan.
- 1.3 Tahniah sekali lagi saya ucapkan dan saya berharap pengarah dapat membimbing jabatan ke tahap yang lebih tinggi.

## **2. PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

- 2.1 Untuk makluman, sehingga 31 Mei 2023, MPS telah berjaya mengutip Cukai Taksiran Semasa Tahun 2023 sebanyak RM 50.39 juta (88.41%) daripada RM 57 juta.

2.2 Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 6.97 juta (58.10%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 12 juta.

### **3. NOTIS (BORANG E)**

3.1 Untuk makluman juga, waran tahanan telah diproses bermula pada 1 April 2023, iaitu setelah tamat tempoh notis (Borang E). Waran berjumlah RM100.00 diproses bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas dan sehingga 31 Mei 2023 sebanyak 28,244 waran telah diproses dan sebanyak 9,016 telah dihantar.

3.2 MPS juga sedang mengadakan kempen bayaran cukai taksiran melalui dalam talian dengan menggunakan aplikasi MyMPS selain melalui platform bayaran di Lazada, Shopee dan Cepat bermula Januari 2023.

### **4. PERBAHARUI DAN BAYAR LESEN PERNIAGAAN DI PORTAL MYMPS**

4.1 Selain itu, dalam dunia serba digital ini, untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan, MPS telah menaiktaraf portal MyMPS untuk pelanggan

melaksanakan transaksi dengan lebih mudah. Pelanggan MPS boleh membuat memperbaharui dan membuat bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang di pautan <https://mymps.mps.gov.my>.

- 
- 4.2 Pada April 2023, jumlah kutipan yang diterima adalah sebanyak RM 637,107.95 iaitu 1,091 transaksi meliputi bayaran lesen perniagaan, sewaan gerai, permit bangunan dan perancang.

---

(Perincian untuk rujukan)

	<b>Lesen Perniagaan</b>	<b>Sewaan Gerai</b>	<b>Permit Bangunan &amp; Perancang</b>
Transaksi	182	847	62
Jumlah	RM 129,602.04	RM 308,644.50	RM 198,861.41

## **5. OPS WARAN CUKAI TAKSIRAN PENGGAL 1/2023**

- 5.1 Untuk makluman juga, MPS kini dalam proses penghantaran waran tahanan cukai taksiran bagi penggal 1/2023. Sehubungan dengan itu, para

pembayar cukai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran dengan kadar segera untuk mengelakkan harta alih mereka disita.

- 5.2 Semakan dan bayaran boleh dibuat secara dalam talian di pautan <https://mymps.mps.gov.my>. Sebarang pertanyaan sila hubungi Bahagian Hasil MPS di talian 03-6126 5961.

## **6. PORTAL MY-ESIM**

- 6.1 Dalam usaha untuk mengurangkan tunggakan hasil, MPS telah mengadakan sekatan ke atas rangkaian Sistem Integrasi Majlis dengan mewujudkan satu portal semakan bil-bil iaitu portal My-ESIM yang boleh diakses melalui pautan [www.my-esim.mps.gov.my](http://www.my-esim.mps.gov.my).
- 6.2 Setiap Jabatan dikehendaki menggunakan portal My-ESIM bagi menyemak tunggakan hasil di MPS sebelum memproses setiap permohonan yang diterima di Jabatan.
- 6.3 MPS telah mengorak selangkah ke hadapan dengan membuka portal My-ESIM kepada orang awam untuk semakan kendiri. Pemilik yang ingin menghantar sebarang permohonan di MPS boleh menyemak

tunggakan hasil terlebih dahulu di portal dan seterusnya membuat bayaran. MPS hanya menerima permohonan sekiranya Sijil E-SIM iaitu sijil yang menunjukkan tiada tunggakan hasil dikemukakan kepada jabatan yang akan memproses permohonan pemilik.

## **7. PELAKSANAAN PENGAUDITAN EKSA MPS**

- 7.1 Untuk makluman, Pelaksanaan Pengauditan EKSA Bilangan 1 2023 akan dilaksanakan mulai 3 hingga 7 Julai 2023. Pengauditan ini dijalankan di semua zon dan penilaian yang dibuat adalah untuk Kriteria Keperluan Utama Pelaksanaan Zon (Komponen A), Ruang Pejabat (Komponen B), Tempat Umum (Komponen C), Keselamatan Persekutaran (Komponen D).
- 7.2 Oleh yang demikian, setiap zon diminta untuk membuat persediaan sebelum kedatangan Juruaudit EKSA bagi menilai tahap pelaksanaan EKSA di setiap zon. Saya mohon kerjasama dan komitmen daripada semua zon agar pelaksanaan audit ini berjalan dengan lancar.

## **8. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILADHA**

- 8.1 Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh umat Islam yang akan menjelang tidak lama lagi. Marilah kita sambut dan nikmati kebersamaan bersama keluarga dan sahabat handai. Jadikanlah kesempatan ini sebagai waktu untuk merenung, mensyukuri nikmat Allah dan mengeratkan hubungan kita sesama manusia.
- 8.2 Saya berharap agar Hari Raya Aidiladha ini membawa kebahagiaan, keberkatan dan ketenangan dalam hidup anda. Semoga ibadah korban yang dilaksanakan dengan penuh kesungguhan menjadi medium untuk memperbaiki diri, mendekatkan diri kepada Allah SWT, dan menguatkan ikatan ukhwah di antara kita semua.

Sekian, wabillahi Taufik wal hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.